

12/08/1998

Fitnah: PM mahu hukuman setimpal

GEORGETOWN, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu hukuman setimpal dikenakan ke atas sesiapa saja yang menyebarkan fitnah dengan niat menghuru-harakan keamanan negara.

Perdana Menteri menegaskan, jika sudah ada yang ditangkap kerana menjadi dalang menyebarkan khabar angin palsu melalui internet itu, hukuman setimpal perlu dikenakan.

Beliau memberikan penjelasan itu ketika menjawab soalan pada sidang akhbar selepas perjumpaan tertutup dengan Ketua Bahagian, pemimpin Pergerakan Pemuda/Wanita, Pegawai Penerangan Umno negeri, di Menara Umno di sini petang ini.

"Kalau benar baguslah. Saya tidak tahu...Ia perbuatan yang tidak bertanggungjawab yang lebih dekat dengan pengkhianat," ujar Dr Mahathir yang merujuk kepada berita dua lelaki ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri berikutan penyebaran khabar angin kononnya ada kekecohan di Kuala Lumpur, Jumaat lalu.

Ditanya sama ada perbuatan itu boleh dianggap sebagai sabotaj atau konspirasi asing terhadap Malaysia, Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam negeri berkata, beliau tidak pasti mengenainya.

"Yang jelas ia sesuatu yang melemahkan kita dalam usaha untuk menangani masalah ekonomi. Saya juga tidak pernah berkata ada konspirasi kerana orang akan nafi jika kita kata ada konspirasi.

"Tetapi pada pandangan saya, apa yang berlaku ini mempunyai kesan dan rupa yang sama seperti konspirasi juga," katanya.

Mengenai kemungkinan ada pihak mahu menimbulkan keadaan huru-hara seperti berlaku di Indonesia, beliau yang tidak menolaknya berkata, kerajaan tidak mempunyai bukti.

"Orang yang melakukan ini tidak akan beritahu kita.

"Kita jangan percaya benda karut itu," katanya.

(END)